

# PROGRAM BACK TO SCHOOL ANJURAN WISMA BINTARA PU KUANTAN

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5756-program-back-to-school-anjuran-wisma-bintara-pu-kuantan](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5756-program-back-to-school-anjuran-wisma-bintara-pu-kuantan)

KUANTAN, 26 Dis 19 – CMC Wisma Bintara PU Kuantan, PW U I Safiee bin Mohamed bersama AJK-AJK Wisma Bintara yang lain telah mengadakan program *Back To School* ke SRK Pengkalan Tentera dengan memberi sumbangan berupa wang tunai sebagai tanda keperihatinan terhadap pelajar-pelajar sekolah yang kurang berkemampuan bagi memulakan sesi persekolahan tidak lama lagi.

Dengan hasrat Komander Pangkalan, Brig Jen Mohd Fadzil bin Mohd Diah TUDM telah berbesar hati untuk menjadikan SRK Pengkalan Tentera sebagai anak angkat kepada Wisma Bintara PU Kuantan. Penyerahan wang tunai tersebut telah diterima oleh Guru Besar SRK Pengkalan Tentera, Mohd Noor bin Hj Ismail.

